



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 31 OKTOBER 2023

- 1. TIADA BERAS PLASTIK DI PAHANG – SINAR HARIAN**
- 2. IMBANGKAN HARGA, KEUNTUNGAN BERAS DI SEMUA PERINGKAT – UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 31 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

Tiada beras plastik di Pahang

Pemeriksaan di kilang beras mendapati tidak berlaku kejadian seperti yang didakwa

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Pahang mengesahkan tiada kewujudan beras plastik di pasaran tempatan di negeri ini.

Pengaranya, Hamizan Musa berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan rasmi berhubung dakwaan terbabit.

"Sebenarnya beras plastik ini tidak wujud, cuma ada dakwaan dibuat sebelum ini, jadi kita lakukan pemeriksaan dibutuh selepas mendapat aduan berkaitan dakwaan terdapat pengilang yang mencampur beras tempatan dengan

beras import.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sidang akhbar selepas selesai operasi yang dijalankan di sebuah kilang pemprosesan beras putih tempatan di Indera Mahkota pada Isnin.

Sebelum ini, tular konon terdapat beras plastik di pasaran Sandakan, Sabah namun lelaki tersebut telah tam-pil mohon maaf dan mengaku perkara itu tidak benar.

Dalam pada itu, operasi yang dijalankan membabitkan KPB, Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Kuaran-tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Mengulas lanjut, Hamizan berkata, operasi tersebut akan diadakan pada Isnin dan dijangka berakhir pada 3 November depan.

Sementara itu, pemeriksaan tersebut dibuat selepas mendapat aduan berkaitan dakwaan terdapat pengilang yang mencampur beras tempatan dengan

beras import.



Hamizan (kiri) menunjukkan sampel beras sebelum dibawa ke Mardi untuk dianalisis.

"Kita mengambil sampel beras di kilang yang dilantik kementerian untuk dianalisis. Proses analisa itu akan dilakukan di makmal Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi)."

"Untuk negeri Pahang kita akan melakukan operasi ke satu kilang dan empat pusat pengedaran beras putih tempatan," ujarnya.

Beliau menambah, keputusan analisis bias tersebut akan dimaklumkan kepada pengilang kelak.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 31 OKTOBER 2023
PERKARA : RENCANA ISU SEMASA

Imbangkan harga, keuntungan beras di semua peringkat


Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu mengimbangi antara harga dan keuntungan beras yang diperoleh di semua peringkat agar tidak ada pihak yang terjejas dalam industri itu.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, ini disebabkan negara berdepan kira-kira 37 peratus ketidakcukupan bekalan beras yang dihasilkan dan memerlukan langkah efektif dalam jangka masa panjang.

“Adalah penting untuk kerajaan mengutamakan faktor ketidakcukupan penghasilan beras putih tempatan yang negara hanya mempunyai kiranya kira-kira 62 peratus daripada hasil pengeluaran beras,” kata bekas Menteri Kewangan II itu.

Ketika mencelih penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2024



JOHARI ABDUL GHANI

bagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, menurutnya, kerajaan perlu melihat langkah menetapkan harga RM26 beras tempatan dan kesannya kepada semua pihak yang terlibat dalam industri itu kerana beras import

boleh dijual lebih mahal.

Menjawab soalan itu, Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian yang terlibat akan berbincang jika berlaku kenaikan supaya dapat dinikmati oleh semua pihak.

Johari kemudian menjawab, beliau tidak terlalu mementingkan aspek komersial namun mahu memastikan harga beras terkawal dan cukup di semua peringkat.

“Maksudnya, pesawah, peniglang, pengedar dan peruncit, kita kawal keuntungan mereka tetapi jangan sampai tidak untung. Kalau harga padi meningkat, harga jualan beras dari 2008 sampai sekarang sama, saya takut kilang pun tutup.

“Akhirnya, kita suka orang menanam padi dan menaikkan pesawah, tetapi orang lain semua sangkul. Perkara ini tidak boleh ditunggu lama, dari 2008 hingga 2023 tidak naik, sedangkan zakat fitrah pun naik,” katanya.